



SIAPA YANG MEMBAYAR SURCAJ PENJIMATAN AIR (WCS) DI PULAU PINANG?

Hanya mereka yang menggunakan air
yang berlebihan.



WCS hanya
dikenakan untuk
penggunaan air
domestik yang tinggi,
melebihi 35,000 liter
sebulan. 77%
pengguna domestik
TIDAK terlibat.



Jika bil air domestik anda
(setiap dua bulan) berjumlah
RM22.60 ataupun kurang,
anda TIDAK membayar
WCS. Penggunaan air
anda kurang daripada
35,000 liter sebulan.

Sumber data: PBAPP

SURCAJ PENJIMATAN AIR (WCS) UNTUK MEMASTIKAN TIADA CATUAN AIR DI NEGERI PULAU PINANG.

77% daripada pengguna air
domestik di negeri Pulau
Pinang TIDAK membayar
WCS.

Dengan mengenakan
hukuman kepada mereka
yang menggunakan air
yang berlebihan, kami
memastikan bekalan air
yang mencukupi untuk
10 tahun yang akan datang.



Pada tahun 2017, bil air maksimum
bagi 77% rumahtangga Pulau Pinang
yang tidak membayar WCS hanya:
RM11.30 sebulan
(RM22.60 setiap kitaran bil dua bulan).

Sumber data: PBAPP

KENAIKAN TARIF DAN CAJ AIR PULAU PINANG: SIAPA YANG DIBERI KUASA UNTUK MELULUSKAN PERMOHONAN KENAIKAN TARIF DAN CAJ?

KERAJAAN PERSEKUTUAN

Mengikut undang-undang persekutuan,
PBAPP mesti mendapat kelulusan
daripada Kerajaan Persekutuan sebelum
melaksanakan sebarang kenaikan
tarif atau caj air di Negeri Pulau Pinang.

Kenaikan tarif air Negeri
Pulau Pinang tahun 2015
dilaksanakan dengan
persetujuan Kerajaan
Persekutuan, mengikut
undang-undang
persekutuan.

Rujukan: Akta Perkhidmatan
Industri Air 2006 dan Akta SPAN 2006.



TARIF AIR DOMESTIK PULAU PINANG: BERAPA KALI KENAIKAN SEJAK 2008?

SEKALI

(Pada tahun 2015, tarif purata bagi 35,000 liter pertama setiap bulan dinaikkan daripada RM0.31 kepada RM0.32 untuk setiap 1,000 liter.)


Pada tahun 2010, Surcaj Penjimatan Air (WCS) diperkenalkan, dan hanya tarif perniagaan dinaikkan. Pada tahun 2013, hanya WCS dinaikkan untuk mengurangkan pembaziran air.



77% daripada 518,001 pengguna air domestik Pulau Pinang TIDAK membayar WCS pada tahun 2017 kerana penggunaan air mereka tidak melebihi 35,000 liter sebulan.

Sumber data: PBAPP

TARIF AIR DOMESTIK PULAU PINANG: BERAPA KENAIKAN DALAM TEMPOH 10 TAHUN BAGI 35,000 LITER PERTAMA SETIAP BULAN?




Pada tahun 2017, penggunaan air oleh 77% daripada 518,001 pengguna air domestik di Pulau Pinang tidak melebihi 35,000 liter sebulan.

Sumber data: PBAPP



TARIF AIR DOMESTIK: NEGERI MANA YANG MENAWARKAN TARIF TERENDAH BAGI 35,000 LITER PERTAMA SETIAP BULAN?



Tarif air domestik Pulau Pinang untuk 35,000 liter pertama setiap bulan adalah yang paling rendah di seluruh negara.

Sumber data:
"Malaysia Water Industry Guide 2017"

